# Pemenang Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak Ke-6

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak Ke-6 yang telah diadakan pada 19 hingga 23 Oktober 2015 menyaksikan 19 KIK terbaik bersaing setelah menempuhi beberapa konvensyen peringkat zon sebelum ini.

Berikut adalah senarai pemenang beserta dengan tajuk-tajuk projek yang dipertandingkan dalam Konvensyen KIK tersebut.



| KATEGORI PENGURUSAN | | |
|---|---|---|
| **Kedudukan** | **Pemenang** | **Tajuk Projek** |
| **Johan**<br>Trofi Ketua Menteri Sarawak | SASSOKU 14<br>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching | Pemantauan status kerja ukur yang kurang efisien |
| **Naib Johan**<br>Trofi Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak | DO-IT<br>Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak | Kelewatan memperakukan kutipan harian hasil kerajaan |
| **Ketiga**<br>Trofi Setiausaha Persekutuan Sarawak | ACCURATE<br>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Mukah | Bilangan hak milik tanah yang tidak diperbaharui sebelum tamat tempoh masih tinggi |

| KATEGORI TEKNIKAL | | |
|---|---|---|
| **Kedudukan** | **Pemenang** | **Tajuk Projek** |
| Johan<br>Trofi Ketua Menteri Sarawak | HELP FOUR<br>Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri | Masalah paip kumbahan yang sering tersumbat di bangunan bertingkat |
| Naib Johan<br>Trofi Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak | TATSUNOKO<br>Majlis Bandaraya Miri | Kesukaran membersihkan parit jenis tertutup yang tersumbat di kawasan komersial |
| Ketiga<br>Trofi Setiausaha Persekutuan Sarawak | CHLOR 8<br>Lembaga Air Kuching | Mengekalkan baki klorin dalam air terawat di sistem agihan |

| KATEGORI PENGURUSAN | | |
|---|---|---|
| **Anugerah** | **Pemenang** | **Tajuk Projek** |
| Pameran Paling Kreatif | ACCURATE<br>Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Mukah | Bilangan hak milik tanah yang tidak diperbaharui sebelum tamat tempoh masih tinggi |
| Persembahan Paling Kreatif | ACCURATE<br>Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Mukah | Bilangan hak milik tanah yang tidak diperbaharui sebelum tamat tempoh masih tinggi |
| **KATEGORI TEKNIKAL** | | |
| Pameran Paling Kreatif | TATSUNOKO<br>Majlis Bandaraya Miri | Kesukaran membersihkan parit jenis tertutup yang tersumbat di kawasan komersial |
| Persembahan Paling Kreatif | CHIPS<br>Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kota Samarahan | Kesukaran melepaskan diri ketika kebakaran struktur |







# Penarafan 5 Bintang untuk Laman Web 36 Agensi Kerajaan

Sejumlah 36 agensi Kerajaan Negeri menerima Anugerah Portal atau Laman Web Bertaraf 5 Bintang manakala lima orang pentadbir laman web menerima Anugerah Pentadbir Laman Web Cemerlang.

Mereka menerima anugerah tersebut semasa Majlis Penyampaian Anugerah Penarafan 5 Bintang Portal dan Laman Web Agensi Kerajaan Negeri Sarawak 2015 di Kuching, November lepas.

Sebanyak 13 agensi Kerajaan Negeri berjaya menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web buat kali yang pertama iaitu Dewan Undangan Negeri, Kementerian Pelancongan, Jabatan Agama Islam Sarawak, Lembaga Pelancongan Sarawak dan Pusat Kepelbagaian Biodiversiti (SBC).

Lapan agensi Kerajaan Negeri yang lain iaitu Pejabat Daerah Dalat, Pejabat Daerah Daro, Pejabat Daerah Selangau, Pejabat Daerah Simunjan, Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Serian, Majlis Perbandaran Padawan, dan Pejabat Residen Bahagian Limbang.

Mengikut rekod pencapaian, dalam tempoh tiga tahun - dari tahun 2012 hingga 2014 - sebanyak 16 agensi kerajaan telah menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web.

Antara penerima anugerah tersebut ialah Kementerian Kemudahan Awam Negeri, Jabatan Peguam Besar Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, manakala selebihnya adalah daripada Pejabat Residen Bahagian Bintulu, Pejabat Daerah Belaga, Pejabat Daerah Kuching, Pejabat Daerah Sibu, Pejabat Daerah Sri Aman, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Betong, Majlis Perbandaran Sibu dan Lembaga Pelabuhan Rajang.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) terus kekal menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang Laman Web untuk tiga tahun berturut-turut dari 2012 hingga 2014.

Sementara itu, lima orang pentadbir laman web disampaikan Anugerah Pentadbir Laman Web Cemerlang setelah berjaya memperolehi Penarafan 5 Bintang Laman Web untuk tempoh tiga tahun berturut-turut.

Penerima anugerah tersebut ialah Puan Haslinda binti Abdul Ghani dari Jabatan Perbendaharaan Negeri, Puan Daisy Jay dari Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Cik Chaw Tze Wee dari Lembaga Air Kuching, Encik Lawrence Ling Ning Wei dari Lembaga Air Sibu dan Puan Maria binti Mersal dari BDA.

Majlis penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, YBhg Datu Ose Murang.

